

# **'INILAHSAJA PARTIUMNO'**

# **Terimalah sebagai UMNO 46 — Dr. M**

Ⓟ  
**KUALA LUMPUR 10**  
**Kogos — Datuk Sri**  
**Dr. Mahathir Mohamad**  
**malam ini menyeru se-**  
**mula orang Melayu su-**  
**paya menganggap Parti**  
**UMNO sekarang sebagai**  
**UMNO 46 yang sebenar-**  
**nya.**

Kata beliau, semua masalah sudah selesai dan inilah sahaja Parti UMNO, tidak ada yang lain dari UMNO yang sah sekarang.

Berucap di hadapan 2,200 pentang Malayan Union di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini, Presiden UMNO itu menegaskan bahawa UMNO bukan mudah untuk dibunuh.

Beliau berkata: "Nama kita sekarang ialah UMNO. Walaupun UMNO telah diharamkan di mahkamah tetapi semangat dan seja-

rahnya tidak mudah untuk dibunuh dan dilupakan.

"Tuan-tuanlah sebenarnya menyambung dan pejuang UMNO 46 dan bukan orang yang bawa kita ke mahkamah dan saya mahu kita semua mulai hari ini menganggap UMNO itu satu dan ahli-ahli UMNO (baru) sebenarnya telah menjadi ahli UMNO semula."

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, janganlah semua orang Melayu membiarkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini memecah belahkan bangsa Melayu sekali lagi.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa tidak ada parti Melayu yang lain yang dapat memerintah negara ini melainkan UMNO.

Beliau menegaskan perjuangan orang Melayu belum habis dan UMNO sekarang bukanlah tempat untuk umat Melayu merebut kuasa.

**LIHAT MUKA 2**

## **TERIMALAH SEBAGAI UMNO 46**

Kata beliau, walaupun Malaysia telah merdeka tetapi pengisian kemerdekaan itu haruslah diteruskan dan ia cuma boleh dilakukan jika UMNO kukuh.

“Malangnya parti kita menjadi haram kerana ada orang-orang yang tamak kuasa dan ingin sangat untuk menjadi Perdana Menteri sehinggalah setelah mereka kalah secara demokrasi mereka bawa kita ke mahkamah.

“Kita kata jangan bawa ke mahkamah

dan kita cadangkan cara yang terbaik untuk selesaikan isu dalam parti ini tetapi mereka pilih cara untuk membuka pekung di dada.

“Akhirnya pemilihan yang halal menjadi haram kerana anggota kita sendiri yang memecahkan kita, tetapi hari ini, mulai saat ini, kita telah membuktikan bahawa UMNO sekarang cuma satu dan saya yakin menjelang perhimpunan agung kita pada bulan Oktober ini angka keahlian kita

akan mencapai lebih satu juta orang,” kata beliau.

Tambah Perdana Menteri, orang-orang yang mengharuskan UMNO akan menanggung akibatnya bukan sahaja terhadap ahli UMNO malah semua orang Melayu.

Beliau menyeru semua ahli UMNO bangun semula memajukan bangsa Melayu agar mereka akan dipandang ‘duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi’ dengan bangsa asing.